

## Muhyiddin minta universiti, pelajar bincang

CHANGLITUN - Tan Sri Muhyiddin Yassin mahu pihak universiti berbincang secara baik dengan kepimpinan pelajar mengenai proses pilihan raya di kampus bagi mengelak kekecohan.

Timbalan Perdana Menteri berkata, pentadbiran universiti dan mahasiswa perlu mewujudkan hubungan yang rapat dan baik kerana proses pemilihan di kampus adalah perkara biasa yang diadakan setiap tahun.

"Yang baiknya kalau berlaku (masalah) universiti, Bahagian Hal Ehwal Pelajar berbincang dengan pimpinan pelajar, selamatkan secara baik. Jangan timbulkan perasaan kurang senang hati dan akhirnya keadaan tidak stabil di kampus.

"Saya serui kedua-dua pihak, harap ada perbincangan dibuat

secara musyawarah untuk kebaikan pelajar dan universiti. Maka hal itu (kekecohan) kita boleh elakkan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan program Matrikulasi Bersama-sama Masyarakat Peningkat Kebangsaan di Kolej Matrikulasi Kedah di sini, semalam.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas keputusan pilihan raya kampus di universiti-universiti awam yang menyasarkan kekecohan berikutan bantahan beberapa kumpulan yang mendakwa pemilihan tidak dijalankan dengan telus dan adili.

Muhyiddin berkata, proses pemilihan di kampus adalah untuk memberi peluang dan ruang kepada pelajar memilih pemimpin mereka yang boleh

membantu dalam urusan pengajian dan menjaga keajaiban mengikut peraturan-peraturan tertentu.

"Di peringkat universiti khususnya hal ehwal pelajar ada peraturan-peraturan bagaimana kempen dijalankan dan proses pemilihan diadakan. Kalau itu dipatuhi saya tak fikir ter- cetus apa-apa masalah seperti yang berlaku di Universiti Putra Malaysia (UPM) dan sebagainya. Ia tak berikan gambaran yang baik kalau ada peristiwa-peristiwa seperti itu," katanya.

Mengenai tindakan yang akan dikenakan kepada pelajar yang mengadakan demonstrasi, Muhyiddin berkata ia terserah kepada pentadbiran universiti sama ada tindakan berdemokrasi itu wajar atau ada sebab-

sebab tertentu tindakan itu berlaku di luar batasan.

"Pihak universiti dan hal ehwal pelajar patut lihat perkara itu secara serius. Kita tidak mahu digambarkan di kampus perasaan tak puas hati itu ada, padahal ini proses demokrasi di universiti perkara biasa. Tapi-tiap tahun ada pemilihan," katanya.

Mengenai dakwaan ada parti pembangkang yang masuk campur dalam perkara itu, Muhyiddin berkata sememangnya pelajar terdedah kepada pelbagai pandangan sama ada ia pro atau kontra.

"Tapi apa pun janganlah akibatkan sistem yang ada dilihat tidak tenteram seolah-olah pemilihan dilakukan secara tidak betul," katanya.

# Boleh bantah tetapi usah bertindak ganas

NORHASPIDA YATIM

SHAH ALAM - Kumpulan pelajar yang tidak berpuas hati boleh membantah tindakan pihak Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) Universiti Putra Malaysia (UPM) membatalkan kelayakan 11 calon kumpulan pro-Mahasiswa pada pilihan raya universiti ini kalaupun tetapi bukannya dengan bertindak ganas.

Naib Canselor UPM, Prof Datuk Ir Dr Radin Umar Radin Sohadi (*gambar*) berkata, membantah adalah sebahagian daripada proses pilihan raya tetapi biarlah secara bertamam.

"Kita terima apa yang berlaku. Perimpunan dan bantahan yang mereka lakukan juga sebahagian daripada proses yang perlu dilalui dalam pilihan raya ini.



"Ia adalah sebahagian daripada proses seperti proses penamaan calon, proses pengundian melalui sistem pengundian elektronik, proses bantahan, rayuan dan pengumuman rasmi," katanya.

Bagaimanapun kata Radin Umar, tindakan memcahkan pintu kaca bangunan dan mencederakan pegawai keselamatan adalah tidak wajar dilakukan dan melanggar etika sebagai mahasiswa.



umum tahu bahawa pihak yang membuat bantahan itu sendiri adalah sebuah kumpulan juga. Ini diakui oleh seorang daripadanya dalam perbincangan dengan saya," katanya.

Saifuddin bagaimanapun memuji kesediaan Naib Canselor UPM, Prof Datuk Ir Dr Radin Umar Radin Sohadi untuk bertemu dan mendengar aduan kumpulan yang tidak berpuas hati dengan keputusan itu sehingga berjaya menyelesaikan isu itu dengan baik.

"Saya kesal kerana ada yang diminta oleh mahasiswa berkenaan kepada pegawai tertentu tidak dilayan sehingga menyebabkan insiden yang tidak diinginkan berlaku.

"Saya bukan menyokong permintaan mahasiswa itu, saya cuma kesal ia tidak dilayan. Saya juga tidak bersetuju dengan tindakan sekumpulan mahasiswa yang menyebabkan kerosakan harta benda awam," katanya.

## 80 pelajar terbabit kekecohan dikenal pasti

SERDANG - Polis mengenal pasti hampir 80 pelajar yang terlibat dalam kekecohan di hadapan bangunan pentadbiran Hal Ehwal Pelajar (HEP) Universiti Putra Malaysia (UPM) kel-

marin yang mengakibatkan tiga kakitangan UPM dan lima pengawal keselamatan cedera.

Ketua Polis Daerah Serdang, Superintendan Abd Razak Elias ber-

kata, polis akan mengambil keterangan mereka yang terlibat dalam masa terdekat selepas identiti mereka dikenali melalui rakaman video.

"Pihak pentadbiran dan pengawal keselamatan universiti telah membuat dua laporan polis. Mereka akan dipanggil beri keterangan," katanya.

Menurutnya, dalam kejadian itu dua daripada pengawal keselamatan itu

"Saya kata tidak wajar kerana universiti menyediakan ruang khas untuk mereka menyatakan bantahan sebaik keputusan awal dimunculkan," katanya.

Radin Umar berkata, pihaknya akan berbincang dengan pelajar berkenaan sementara kes yang terlibat mencederakan pengawal keselamatan akan diserahkan kepada polis untuk disiasat.

Kekecohan berlaku apabila 200 pelajar pro-Mahasiswa bertindak mengadakan demonstrasi hampir 17 jam memprotes tindakan Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) membatalkan kemenangan 11 calon.

Demonstrasi yang bertujuan meminta penjelasan daripada Timbalan Naib Canselor HEP UPM kemu-

dian menjadi tidak terkawal, mengakibatkan pintu kaca untuk ke bangunan pentadbiran HEP itu pecah di tempat dalam keadaan kelam-kabut dan beresak-asak.

Radin Umar berkata, pihaknya rayu UPM bersikap telus serta dilaksanakan mengikut prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan.

"Apa yang kita nampak, sejumlah 84 peratus pelajar UPM kampus Bintulu telah keluar membuang undi.

"Jadi, berdasarkan keputusan itu, pelajar boleh membuat bantahan, mereka boleh menggunakan platform bantahan terhadap apa sahaja yang mereka mahu bantah dan pihak urus setia pilihan raya perlu lihat dan buat keputusan terhadap bantahan itu," katanya.

menterima antara enam dan 16 jehitan.

Kes berkenaan disiasat di bawah Seksyen 147/427 Kanun Keseksaan kerana mewujudkan perselisihan dan melakukan khianat.

Abdul Razak turut meminta pihak luar supaya tidak memanipulasi perkara tersebut dan berhajar pihak universiti dan mahasiswa dapat menyelesaikan masalah itu dengan baik.

### 'Untuk apa minta maaf?'

SHAH ALAM - Timbalan Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Mohd Fauzi Ramlan tidak akan berganjak daripada pendirian untuk tidak meminta maaf kepada kumpulan pelajar pro-Mahasiswa yang menyatakannya berhubung pembatalan kemenangan calon mereka pada pilihan raya universiti itu yang menjadi punca kekecohan di bangunan pentadbiran UPM kelmarin.

Menurutnya, beliau tidak melakukan sebarang kesalahan.

"Apa sebab pula saya kena minta maaf?" katanya.

Mohd Fauzi berkata demikian apabila diminta mengulas desakan kumpulan pro-Mahasiswa yang menggesa beliau meminta maaf secara terbuka berhubung arahan pembatalan status 33 calon termasuk kemenangan 10 pelajar kumpulan itu.

## Saifuddin temui dua kumpulan mahasiswa

PUTRAJAYA - Timbalan Menteri Pengajian Tinggi Datuk Saifuddin Abdullah (*gambar*) semalam menemui dua kumpulan mahasiswa Universiti Putra Malaysia (UPM) berhubung kekecohan yang berlaku sehingga mengakibatkan penceraian dua pengawal keselamatan dan cerrmin pintu pejabat pentadbiran universiti itu pecah, kelmarin.

Dalam dua pertemuan yang berasingan itu, kata Saifuddin, beliau menekankan pilihan raya kampus adalah proses untuk mendidik mahasiswa berpolitik secara demokrasi.

"Pendekatan politik dan demokrasi seharusnya merintis ke arah amalan demokrasi yang lebih matang di negara ini pada masa depan," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Saifuddin berkata, kementerian bersikap berkecuali dan tidak memihak kepada mana-mana kumpulan mahasiswa atau individu yang bertanding pada pilihan raya kampus.

Namun, katanya, alasan yang diberikan pihak universiti berhubung tindakan membatalkan kemenangan sekumpulan mahasiswa adalah tidak wajar hanya kerana mereka berkempen secara kumpulan.

"Saya anggap alasan ini tidak munasabah kerana